

Rencana

Perihal marah bukan kepalang apabila harga minyak naik

MINGGU lalu saya ada menulis betapa perlunya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa turun padang memantau harga barangan kerana kemungkinan besar peniaga-peniaga akan menaikkan harga barangan dan makanan sesuka hati ekoran pengumuman kenaikan harga petrol sebanyak 20 sen seliter.

Dan kita pun memang menjangkakan perkara itu pasti berlaku. Sehingga kini menteri berkenaan telah menerima beberapa aduan berlakunya kenaikan harga di sana sini.

Seorang teman bercerita kepada saya, berkuatkuasa saja kenaikan harga itu pada pukul 12 malam Isnin baru-baru ini, kesesokannya hari Selasa pada pukul 8 pagi di sebuah warung nasi lemak di Pantai Dalam, Kuala Lumpur, seorang mak cik yang biasanya menjual nasi lemak berharga RM2.50 sebungkus, mulai hari itu menaikkannya sebanyak 50 sen.

Apabila ditanya kenapa naik sehingga 50 sen, mak cik itu menjawab: "Kau minyak petrol sudah naik malam tadi? Tak tengok berita kah? Barang-barang pun naiklah."

Teman saya itu memberitahu, pelanggan di belakang yang beratur untuk membeli nasi lemak menepel: "Hai, ayam goreng itu goreng dengan minyak petrol ke mak cik?"

Begitulah antara dialog-dialog yang se-



FAUZIAH AROF
fauziaharof@yahoo.com

lalu kita dengar daripada mulut seorang peniaga bila harga minyak petrol naik dan begitulah mentaliti sesetengah peniaga kita dalam menghadapi situasi naik harga ini.

Asal dengar saja harga petrol naik, semua barang pun hendak dinaikkan. Yang peliknya, tidak sampai beberapa jam harga petrol baru dikuatkuasakan, dia sudah menaikkan harga makanan dan yang dinaikkan pula melebihi kenaikan harga petrol.

Maka kita pun tidak hairan bila harga teh tarik di sesetengah tempat naik 20 sen juga. Harga chicken chop RM7 dinaikkan RM8, mi goreng yang biasanya RM4 dinaikkan RM4.50 dan buah potong berharga RM1 dinaikkan kepada RM1.50.

Jika benar pengurangan subsidi minyak petrol RON 95 dan diesel sebanyak 20 sen itu dikatakan tidak memberi kesan kepada kos perniagaan, hanya sekitar 0.1 peratus

sahaja, kenapa naik sebanyak itu?

Itu cerita peniaga. Pengguna pula sudah tentu dengan keluh kesahnya. Kenaikan 20 sen itu menjadi perbualan di sana sini hingga ke hari ini. Ada yang bertekad untuk menunggang motosikal atau naik pengangkutan awam untuk ke tempat kerja. Ada yang memberi idea yang menarik, mahu bawa basikal di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur ini. Macam-macam cerita boleh didengar dan dibaca terutamanya di laman-laman sosial.

Pun begitu dalam kita bising-bising, merungut mengenai kenaikan harga minyak dan mengadu berasa begitu terbeban dan tersiksa dengan kenaikan sebanyak 20 sen itu, dengan kos sara hidup semakin meningkat, mereka ini jugalah terus menekan minyak kenderaan seperti hendak tercabut pedal minyak tersebut dan menjadikan jalan raya macam litar lumba.

Bila kita memandu dengan kelajuan yang biasa-biasa saja, bunyi hon dan lampu tinggi diberikan, kononnya hendak cepat sangat, entah apa yang hendak dikejutkan tetapi bila tiba di tol dia beratur di belakang juga kerana tidak menggunakan kemudahan Smart Tag atau Touch n Go.

Di mana-mana pun, tidak kira kereta mewah atau kenderaan kecil seperti Perodua Kancil dan Kelisa, apabila harga petrol naik, keadaan macam biasa juga, tidak pun mem-

berikan sedikit rasa kesedaran untuk memandu mengikut kelajuan biasa bagi menjimatkan penggunaan petrol. Lori dan bas masih begitu juga, berlumba-lumba. Mat rempit pun menjalankan kegiatannya di malam minggu macam biasa.

Dan jalan-jalan menghalia pusat membeli-belah terutamanya setiap kali hujung minggu pun tetap sesak dan beratur panjang untuk ke tempat letak kereta sama seperti sebelum harga petrol diumumkan naik.

Ada juga antara kita bising minyak petrol naik 20 sen itu menjadikan hidup semakin terhimpit tetapi pada masa sama masih boleh berbelanja besar walaupun gaji tidak banyak mana. Berbelanja besar untuk pakaian, makanan, gadget, hiburan dan macam-macam lagi yang sudah jadi perkara biasa setiap bulan. Mereka ini juga boleh membayar bil telefon bimbit sehingga mencecah ribuan ringgit sebulan. Tetapi itulah, bila minyak petrol naik 20 sen seliter, marahnya bukan kepalang.

Memanglah menjadi hak masing-masing untuk membelanjakan wang gaji setiap bulan, tetapi apabila setiap kali berlakunya kenaikan harga barangan, kita mengeluh, marah dan memaki hamun, sedangkan sebenarnya ia tidak memberi kesan langsung pada cara kita berbelanja. Maksudnya naik atau tidak harga petrol sama saja. Jika keadaan inilah takrifan bebanan itu, terbeban sangatkah?

RENUNGAN

DARI Abu Hurairah RA katanya: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Siapa yang ingin rezekinya dibanyakkan dan umurnya dipanjangkan hendaklah ia menghubungkan tali silaturahmi." - Hadis Riwayat Bukhari



Terapkan etika perniagaan

SETIAP hari, kita boleh lihat situasi orang yang tidak beretika. Paling tidak pun ketika memandu kenderaan. Semasa kesesakan lalu lintas, terdapat pemandu tanpa segen silu, memotong kenderaan lain melalui lorong kecemasan. Pemanduan tidak beretika yang hanya mementingkan diri sendiri amat berbahaya untuk pengguna kenderaan lain.

"Kerakusan" pemandu-pemandu Malaysia dengan memandu secara berbahaya "diiktiraf" oleh warga asing yang menetap di sini. Berbeza dengan negara-negara maju seperti England, Australia dan New Zealand, pengguna kenderaan cukup berhemah dan beretika di jalan raya. Mereka mematuhi undang-undang tanpa ragu-ragu. Paling penting mereka tidak mementingkan diri sendiri.

Selain bukti di atas, contoh terbaru yang paling mengejutkan dunia seni tanah air ialah sikap gelintir pihak yang tidak bertanggungjawab memuat naik filem *KL Gengster 2* di laman sosial, YouTube walhal belum lagi ditayangkan di pawagam. Mengikut perancangan, filem ini akan ditayangkan di pawagam tempatan bermula 3 Oktober ini.

Saya tidak dapat bayangkan betapa cewanya penerbit dan pembuat filem tersebut yang bertungkus lumus selama dua tahun untuk menyiapkan filem itu tetapi akhirnya telah dimuat naik dalam YouTube sebelum sampai masanya.

Sikap tidak beretika juga berlaku ke atas penulis-penulis tempatan apabila terdapat pihak dengan mudah mencedok hasil penulisan orang lain tanpa memberi sebarang penghargaan kepada penulis asal. Mereka ini tidak langsung mempedulikan etika penulisan. Apa sudah jadi dengan masyarakat kita?

Sebagai seorang pendidik di menara ga-



Rohami Shafie

ding dalam pengkhususan pengauditan, elemen etika adalah antara yang diajar kepada para pelajar. Kebetulan pula, para pelajar Universiti Utara Malaysia sentiasa diasuh supaya sentiasa beretika. Umpamanya, etika berpakaian para pelajar supaya sentiasa kemas dan sopan.

Ini bermaksud penerapan budaya etika cukup penting untuk mengubah masyarakat kita agar lebih baik. Dengan kombinasi penguatkuasaan undang-undang dan menerapkan budaya beretika, kehidupan masyarakat kita akan lebih baik.

Sebagai contoh, dalam bidang pengauditan, Lembaga Pengawasan Pengauditan (AOB) berperanan besar untuk memastikan juruaudit-juruaudit luar bertingkah laku mengikut etika pengauditan.

Sebarang pelanggaran etika akan dikenakan tindakan. Ini kerana juruaudit luar bertanggungjawab ke atas laporan pengauditan syarikat.

Etika bukan sahaja dalam profesion pengauditan semata-mata tetapi dalam semua aspek kehidupan kita. Sebagai contoh dalam isu kenaikan harga makanan ekoran pengumuman kerajaan ke atas rasionalisasi subsidi minyak, tidak keterlaluan dikatakan terdapat peniaga-peniaga di Malaysia yang tidak beretika dalam menjalankan perniagaan. Minyak naik 20 sen, sekeping roti canai juga naik 20 sen! Alasan minyak naik!

Saya tidak dapat bayangkan betapa taknaknya peniaga-peniaga sebegini. Budak

kecil pun tahu berfikir secara logik untuk menolak alasan tersebut. Jika peniaga-peniaga sebegini beragama Islam, adakah mereka tidak memahami konsep keberkatan? Menindas pembeli dan menggunakan dengan cara sebegini? Malangnya perkara ini tetap berlaku setiap kali pengumuman rasionalisasi subsidi minyak.

Jadi apa yang perlu dibuat untuk mengubah sikap peniaga sebegini? Setakat memberi amaran tiada gunanya kerana ia tidak menggerunkan mereka. Bahkan, penguat kuasa seolah-olah dipermudahkan apabila terdapat peniaga dengan beraninya menaikkan harga makanan dan minuman sesuka hati mereka. Apakah langkah jangka masa panjang untuk memastikan perkara ini tidak berulang?

Salah satu cara yang boleh dilaksanakan adalah dengan memupuk budaya etika di kalangan peniaga. Bagaimana modus operasinya? Dengan cara memperkenalkan modul etika perniagaan di kalangan peniaga.

Perkara ini sewajarnya dipertimbangkan oleh pihak kerajaan kerana hanya dengan mendidik elemen etika kepada mereka di samping bertegas dalam menguatkuasakan undang-undang, insya-Allah, tingkah laku para peniaga yang tidak beretika boleh diubah menjadi lebih beretika.

Jika boleh, wujudkan kod etika peniaga dan usahawan agar mereka sentiasa menyedari kepentingan beretika. Sejak akhir-akhir ini pun, syarikat senarai awam Malaysia amat mementingkan etika.

Malahan, tadbir urus korporat yang diuar-uarkan cukup baik untuk syarikat senarai awam juga telah mula dipertikaikan kerana tiadanya elemen etika dalam memastikan budaya sihat, adil dan tidak mem-

nindas mana-mana pihak.

Tadbir urus korporat hanya sekadar menanda kotak (*box-ticking*) berdasarkan kod tadbir urus korporat. Ia tidak mengambarkan elemen terpenting dalam berniaga iaitu amanah dan jujur.

Kepentingan etika ini bukan setakat di kalangan usahawan dan tokoh korporat bagi syarikat senarai awam sahaja tetapi juga buat seluruh peniaga di Malaysia. Jika boleh, diinstitusikan budaya etika di kalangan peniaga.

Walaupun nampak mudah di atas kertas dan sukar untuk dilaksanakan, namun jika ia dilaksanakan secara menyeluruh, nescaya akan berlaku perubahan sikap di kalangan peniaga. Tidak mustahil, dalam tempoh jangka masa panjang, peniaga-peniaga kita akan lebih memikirkan hak pengguna berbanding mengaut keuntungan untuk diri sendiri sahaja.

Budaya tidak baik seperti menindas pengguna dan pembeli perlu diubah secara berhemah. Ini kerana ia sudah sebatik dalam dunia perniagaan.

Kalau tidak, mana mungkin berlakunya pelbagai penyelesaian dan gejala rasuaha. Ketamakan manusia mengatasi sikap keber tanggungjawab ke atas masyarakat. Dengan bertingkah laku secara beretika, masyarakat kita akan hidup dengan lebih baik kerana masing-masing mengetahui hak orang lain. Ingatlah, keberkatan dalam berniaga mengatasi kepentingan mengear kekayaan materialistik.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.

Malas berfikir hilang segalanya

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

MASYARAKAT Malaysia hari ini amat gemar mempercayai mesej pesanan ringkas pendek dan padat berbanding kisah panjang berjela sebagaimana yang ditulis oleh wartawan dalam surat khabar seperti *Utusan Malaysia* yang merupakan akhbar paling berpengaruh semenjak 75 tahun lalu.

Sebagai media tertua di negara ini, *Utusan Malaysia* ibarat kata Seniman Datuk Aziz Sattar dalam satu dialog adegan filem *Seniman Bujang Lapok*. Beliau berkata kepada peraih kebangsaan Cina. "Macam-macam ada cerita di dalamnya..." (Beliau merujuk peranan akhbar yang membekalkan segala pengetahuan tetapi dijual dengan harga pukal apabila sudah basi bahan berita di dalamnya).

Begitulah analoginya kalau kita menganggap akhbar sebagai sekadar bahan perniagaan bukan menyuarakan perjuangan sesuatu bangsa dan negara itu sendiri. Akhbar dijadikan alat untuk menempah populariti semata-mata oleh pihak tertentu bukan satu wadah untuk memperolehi sebanyak ilmu dalam bidang politik, bisnes, hiburan dan paling dicari ialah iklan kerja kosong dalam sektor awam.

Akhbar yang dijana oleh redaksi yang siang malam mencari bahan untuk menjadi santapan rohani sama seperti sebuah filem perjuangan dan kenegaraan seperti *Tanda Putera*. Kutipan tiket yangnya tidaklah seperti filem ringan lain yang mampu mengutip berjuta-juta ringgit. Kalau seorang pelawak dibawa berlakon filem seperti *Tanda Putera* belum tentu filem tersebut meraih kutipan *box office*.

Adakah sindrom malas berfikir dalam kalangan rakyat kita semakin teruk hingga filem yang membawa mesej keamanan dan menceritakan titik bengkil perjuangan rakyat Malaysia dipinggirkan begitu sahaja.

Adakah kita sedar filem tersebut wajar ditonton kerana ia mampu menjadikan hala tuju negara kita lebih harmoni tanpa ada lagi anasir-anasir subversif dalam masyarakat yang meniti kemajuan pada 2020 kelak. Orang muda perlu belajar menonton dengan mata hati dan membaca maksud tersirat sesuatu bahan paparan media seperti akhbar.

Menonton wayang seperti *Rambo* yang disampaikan secara ganas dan penuh dengan tembakan dan letupan bom menjadi pilihan penonton sehingga mereka lupa, mengapa si Rambo menjadi segala itu. Jika mereka berfikir secara sejarah, *Rambo* bersikap begitu disebabkan tekanan minda akibat pengalaman perang di Vietnam.

Namun apabila Shuhaimi Baba mengadun filem *Tanda Putera* berdasarkan fakta peristiwa hitam 13 Mei di negara ini, beliau terus dicop sebagai pencetus suasana tidak selesa dalam kalangan pihak tertentu. Mengapa dengan filem Barat yang memaparkan isu sensitif kita boleh terbuka, namun dengan filem tempatan yang memaparkan kisah sebenar, filem tersebut dipolemikkan hingga ia tersadai selama lebih dua tahun daripada ditayangkan di pawagam.

Justeru, pihak kerajaan perlu menyuntik elemen empati dan penghargaan sejarah secara fizikal kepada generasi muda dalam sistem pendidikan kita. Kita juga memerlukan pendidik yang mengajar anak-anak kita dengan ikhlas dan semangat untuk menjadi ejen perubahan dan kemajuan negara selaras Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Mahukah kita hilang kuasa politik setelah kuasa ekonomi sebenarnya bukan milik kita. Malas berkayuh perahu hanyut, malas berfikir bangsa fakir.

Hina bendera boleh dihukum

Oleh **NORAZLITA MOHD. SIES**
pengarang@utusan.com.my

BENDERA merupakan lambang kepimpinan, simbol penghormatan dan maruah bagi sesebuah negara. Setiap negara mempunyai bendera yang tersendiri untuk mewujudkan perasaan bangga, hormat dan rasa kecintaan terhadap tanah air.

Nama bendera Malaysia telah diisytiharkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai *Jalur Gemilang* pada pukul 11.58 malam, 31 Ogos 1997 sempena Hari Kemerdekaan Ke-40, di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Namun apa pula halnya dengan tindakan kurang bijak dan memalukan apabila beberapa individu tertentu berbangsa Melayu yang sengaja mengibarkan bendera diberi nama *Sang Saka Malaya* pada malam sambutan Hari Kemerdekaan, baru-baru ini. Tindakan tersebut amat memalukan dan mencabar maruah anak Malaysia yang berjiwa patriotik selain menguris hati saki-baki pejuang kemerdekaan yang masih hidup. Mereka ini terdiri daripada golongan yang sama dan sering kali terlibat dalam demonstrasi-demonstrasi jalanan dan perhimpunan haram.

Selain Akta Hasutan 1948, Pengamal undang-undang Leftenan Komander (B) Zailil Mohd. Mess menyatakan, mereka yang mengibarkan bendera *Sang Saka Malaya* di tempat awam boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta 193, Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963.

Matlamat akta tersebut bertujuan mengawal penggunaan "Lambang-lambang Kebangsaan" di dalam negara ini. Namun akta itu tidak menyekat penggunaan bendera dan lain-lain lambang Malaysia yang boleh dipamerkan dan diletakkan di mana-mana di dalam negara.

Lambang-lambang Kebangsaan mengikut Seksyen 2 Akta 193 antara lainnya ber-

maksud bendera-bendera negara atau parti-parti politik yang mendakwa sebagai suatu pergerakan kebangsaan atau apa-apa kesamaan dalam bentuk apa sekalipun.

Menurut Seksyen 3(2) akta tersebut, lambang akan dianggap telah dipamerkan secara umum jika ia dipamerkan di jalan-jalan raya, lorong-lorong, jambatan, laluan, tempat pejalan kaki atau mana-mana tempat orang ramai atau satu kumpulan orang ramai mempunyai hak laluan atau jika dipamerkan dengan cara supaya kelihatan dari tempat-tempat yang disebutkan tadi.

Undang-undang memperuntukkan individu yang melakukan kesalahan di bawah Akta 193 boleh ditangkap oleh seorang pegawai polis tanpa waran dan dengan kebenaran pendakwa daripada Pendakwa Raya, boleh didakwa di mahkamah.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak lebih dari RM500 atau kedua-duanya sekali. "Sebelum pemsansuhan undang-undang keselamatan, perilaku begini akan diletakkan dalam tahanan pemuliharaan secara kuasa eksekutif dan selepas ada kesedaran, baharulah mereka dilepaskan. "Jenis kesalahan oleh pelaku yang mengibarkan bendera *Sang Saka Malaya* ini adalah golongan subversif. Oleh itu hukuman denda dan penjara selama enam bulan tidak memadai atau mencapai matlamat hukuman sebenar untuk memulihkan fahaman atau kepercayaan mereka yang tersasar atau disasarkan.

"Bagaimanapun untuk undang-undang ini menjadi berkesan, hukuman yang dijatuhkan itu perlu memenuhi kriteria sama ada, boleh menjadi penghalang (*deterent*) punitif atau memulihkan pesalah tersebut daripada kelakuan menyalaui undang-undang. "Dalam keadaan ini, hukuman sedia ada dan jenis kesalahan yang dilakukan adalah tidak setimpal kerana bukanlah bersifat individu tetapi lebih menjurus kepada satu



AKTIVIS propembangkang, Hishamuddin Rais memegang bendera Sang Saka Malaya pada sambutan Malam Ambang Merdeka di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos lalu.

perilaku yang mensabotaj kepimpinan dan kerajaan yang berdaulat," kata Zailil.

Bagi peguam berpengalaman itu, pelaku-pelaku sedang cuba menghasut sentimen untuk menjatuhkan kerajaan Malaysia sedia ada yang telah dipilih secara demokratik dan berdaulat.

Perbuatan mereka bukan sahaja menyanggah institusi kerajaan Malaysia, ia juga adalah suatu serangan dan penghinaan kepada Institusi Raja Berperlembagaan (Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong) itu sendiri dengan tidak mengiktiraf dan mempertikaikan bendera yang menjadi simbol kewujudan Persekutuan Malaysia ini.

"Pada hemah saya, kelakuan mereka ini bertujuan untuk menghina institusi kerajaan dan Yang di-Pertuan Agong dan wajar dianggap derhaka," katanya.

Selain akta tersebut, pelaku yang memamerkan bendera *Sang Saka Malaya* ini juga boleh didakwa di bawah Seksyen 268

Kanun Keseksaan, iaitu suatu kesalahan mengganggu ketenteraman awam dan boleh dihukum di bawah Seksyen 290 kanun sama dengan denda tidak melebihi RM400.

Perbuatan mempertikaikan bendera *Jalur Gemilang* ini adalah ibarat 'menepuk air ke dulang, terpercik di muka sendiri'. Bendera kita telah menjadi lambang negara selama berdekad lamanya. Sebelum ini golongan itu tidak mempertikaikan bendera kita sebaliknya menyanyunginya.

Sekarang, apabila pergerakan mereka menjadi kian gersang, mereka mula lontang dan dengan satu nafas menolak kerakyatan negara dan pemerintah yang telah berdekad memberikan mereka kenikmatan hidup di bumi bertuah ini.

Kelakuan ini bagi Zailil, adalah kelakuan golongan yang tidak tahu erti perjuangan sebenar dan hanya merupakan anarkis-anarkis yang mahu menghuru-harakan negara.

BISIK-BISIK

ORANG ramai khususnya kalangan bumiputera pastinya lega dengan khabar bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual mengumumkan dasar-dasar bagi meningkatkan lagi penglibatan bumiputera dalam pembangunan ekonomi negara Sabtu ini.

Langkah itu amat perlu memandangkan golongan bumiputera yang membentuk 67 peratus daripada 28 juta rakyat Malaysia, perlu terus diberi peluang yang saksama untuk terabit dalam ekonomi termasuklah peluang perniagaan, modal insan, terlibat dalam sektor swasta serta pemilikan ikuiti dan hartanah.

Awang yakin apa yang akan dihebahkan oleh Perdana Menteri kelak akan bersifat menyeluruh dalam kerangka memperkasakan ekonomi bumiputera tanpa meminggirkan kaum lain.

Ini kerana seperti dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar adalah hasil maklum balas yang diperoleh kerajaan daripada pelbagai institusi dan badan bukan kerajaan serta hasil perbincangan mesyuarat Majlis Tindakan Agenda Bumiputera baru-baru ini berhubung langkah dan kaedah yang perlu ke arah memperkasakan lagi penglibatan ekonomi bumiputera supaya benar-benar setara dan dapat bersaing dengan bukan bumiputera.

Kita sudah tentu tidak mahu melihat golongan yang membentuk majoriti rakyat negara ini terus ketinggalan dalam kepesatan pembangunan ekonomi negara, walaupun kita menyedari wujud peningkatan berhubung penglibatan bumiputera dalam beberapa bidang tetapi ia tidak memadai.

Justeru inisiatif yang bakal diumumkan nanti diharap dapat mencergaskan penglibatan bumiputera terutama dalam sektor ekuiti dan hartanah yang ketika ini penglibatan mereka terlalu rendah berbanding dengan kaum lain.

AWANG - Terima kasih.

Awang Selamat

Rencana

Kenapa harga ayam kerap naik semasa musim perayaan?

BAGAI sudah berjanji pula, apabila setiap kali menjelang Ramadan dan juga Hari Raya Aidilfitri, maka ada saja barangan keperluan yang naik.

Biarpun bagi sesetengah barangan sudah ada harga siling yang ditetapkan tetapi peniaga-peniaga tetap menaikkan harga dengan alasan pengeluaran dan pembekal pula mengenakan harga yang tinggi. Mahu atau tidak, mereka terpaksa menaikkan harga kerana tidak mahu menanggung rugi.

Maka ini sudah pasti menimbulkan pertanyaan kepada orang ramai. Kenapa harga barangan ini boleh naik? Jika barangan itu bukan barangan kawalan, bolehkah peniaga menaikkan harga dengan sesuka hati?

Peningkatan secara mendadak harga ayam di beberapa negeri sejak sebelum Ramadan lagi, menimbulkan keresahan orang ramai. Harga naik mencecah RM1 hingga RM2 sekilogram menunjukkan 'pesta naik harga' untuk ayam ini memang tidak dapat dikawal lagi. Ayam bukan menjadi barangan kawalan ketika ini. Jadi, peniaga menganggap tidak salah untuk menaikkan harga.

Di kebanyakan negeri, harga ayam ketika ini dilaporkan dijual RM8 hingga RM8.50 sekilogram. Dalam pada itu, ada sesetengah kawasan menjualnya pada harga sehingga RM9 sekilogram. Harga berkenaan jauh lebih tinggi berbanding RM6.50 hingga RM7.60 sekilogram sebelum ini.

Maka perkembangan ini sudah pasti per-



Komentar
Fauziah Arof
fauziaharof@yahoo.com

lu diambil serius dan ditangani secara bijak oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDNKK), Koperasi dan Penggunaan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebab isu kenaikan harga barangan keperluan di mana-mana negara pun adalah isu paling sensitif dan boleh menyebabkan kemarahan rakyat.

Sebabnya, rakyat pasti terbeban dengan apa saja barangan keperluan yang naik. Sedangkan pendapatan bagi seisi keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana banyak itulah juga, tidak bertambah. Ditambah pula tiada barangan keperluan lain yang turun, semuanya kalau boleh mahu naik harga.

Kita tidak boleh menyelesaikan isu kenaikan barangan mana-mana barangan ini dengan sekadar menerima saranan beberapa pihak supaya orang ramai memboikot barangan yang naik itu.

Bila harga ayam naik, boikot jangan beli

ayam, bila harga gula naik, jangan makan gula atau bila harga minyak masak naik, jangan guna minyak berlebihan ketika masak, tidak baik untuk kesihatan.

Sepatutnya, setelah melalui pelbagai perayaan setiap tahun, pihak yang berkenaan telah arif dengan apa yang berlaku dan sudah ada jalan penyelesaian sama ada penyelesaian jangka panjang atau pendek untuk mengatasinya. Bukan sekadar menerima aduan, beri amaran, pantau dan kenakan tindakan. Ini kerana setiap kali berlaku kenaikan harga sudah pasti persatuan-persatuan pengeluar, pembekal dan pemborong industri yang sama akan dipanggil untuk berbincang mengenai isu ini.

Dan pada masa yang sama, rakyat ingin tahu dengan jelas mengapa harga ayam naik ketika ini. Dari mana punca kenaikan itu bermula. Jika dari pihak pembekal apa rasionalnya?

Yang menjadi tunda tanya juga, kenapa setiap kali tiba musim perayaan, paling ketara apabila umat Islam mahu menyambut Hari Raya Aidilfitri ada saja barangan yang naik harga seperti ayam, daging, tepung, gula dan santan sebelum ini.

Adakah benar-benar ini faktor permintaan yang terlalu tinggi menyebabkan bekalan berkurangan dan kesukaran untuk mendapatkannya. Atau mereka ini hanya sekadar mahu main tarik tali untuk mengaut keuntungan yang lebih.

Jadi bila harga ayam naik, kerana kurnanya bekalan, Kementerian Terbahit menggalakkan pengimportan ayam dari negara lain seperti Australia dan benua Eropah untuk mengurangkan keberuntungan terhadap bekalan ayam tempatan.

Maka wujud cadangan, disebabkan kenaikan harga ayam ini selalu berlaku apabila umat Islam menyambut Ramadan dan Hari Raya Aidil Fitri, maka sudah tiba masanya FAMA, Felda, Risda dan Tabung Haji mengambil bahagian menceburi penternakan ayam berskala besar-besaran. Beri peluang anak-anak Melayu jadi penternak, penyembelih, pembekal dan penjual.

Bila ada persaingan, kita tengok masalah naik harga pada musim perayaan ini akan terus berlaku atau harga pasaran dapat ditubuhkan.

Dan bagi yang tidak habis-habis mengaitkan semua isu dengan politik, janganlah terus mengambil kesempatan ini menyalahkan berskala atau UMNO kerana kenaikan harga ayam ini. Yang menaikkan harga ayam ini ialah pembekal dan peniaga yang sudah pastinya bukan semuanya menyokong kerajaan pada pilihan raya umum yang lalu.

Di Indonesia pun, ketika ini harga ayam turut naik dengan mendadak dan menjadi tajuk utama berita di medianya. Kerajannya turut mencari mekanisme untuk menangani masalah kenaikan harga ini. Yang ini pun salah UMNO jugakah?

DAP 'cerdik', Pas, PKR...

Oleh ZULKIFLI JALIL dan ABDUL RAZAK IDRIS
pengarang@utusan.com.my

SEKALI air bah sekali pantai berubah. Kedudukan wakil-wakil dalam Dewan Rakyat turut berubah. Ada kalangan Ahli Parlimen yang sebelum ini menteri kabinet kembali ke zon penyokong kerajaan (*back-bencher*).

Ibarat melepak geram yang disimpan di dada bertahun-tahun, bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang, Datuk Seri Noh Omar turut menunjukkan taringnya. Dan sedikit-tidaknya memperlihatkan kepada 89 ahli parlimen pembangkang bahawa bukan mereka sahaja yang petah berkata-kata menuduh Kerajaan Barisan Nasional (BN) itu dan ini.


Malah bekas peguam tersebut, sebenarnya ingin membuktikan kepada rakyat Malaysia - bahawa pembangkang hanya pandai menimbulkan persepsi songsang di mata rakyat negara ini, bukanlah 'lebih popular dan layak mentadbir negara' berdasarkan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

"Jika mereka mengguna pakai undi popular sebagai petunjuk untuk menubuhkan kerajaan, mengapa ketua pembangkang, mereka (kepemimpinan pembangkang) lantik pemimpin dari PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Berdasarkan bilangan kerusi yang dimenangi pembangkang, Pas mendapat 21 kerusi, PKR 30 kerusi dan DAP mendapat kerusi terbanyak iaitu 38 kerusi, bukannya itu menunjukkan DAP lebih popular dalam kalangan kepemimpinan pembangkang. Mengapa tidak mahu jadi ketua (pembangkang)," katanya ketika ditemui kami di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Noh, dalam soal ini yang keliruan rakyat bukan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Sebaliknya pembangkang yang memperdaya rakyat dengan istilah undi popular hingga menarik mereka untuk membuat pelbagai program termasuk (perhimpunan) *Blackout 505* untuk menipu rakyat.

Mengambil contoh cadangan Timbalan Presiden PKR dari Gombak, Azmin Ali semasa sesi perbahasan di Dewan Rakyat supaya Malaysia mencontohi Britain dalam pelaksanaan pilihan raya, beliau menegaskan: "Negara ini tidak perlu mengikut amalan negara lain kerana mempunyai undang-undang ber-



Lebih menimbulkan persoalan, mengapa susunan kepimpinan pembangkang di dalam dewan dibuat tanpa mengira hierarki mereka di dalam parti - yang seolah-olah ada tangan tertentu yang mencatur kedudukan tersebut

dasar acuan kita sendiri."

Bagi Noh, kalau pemimpin pembangkang mengakui (sistem) di Britain itu betul, kenapa tidak mencontohi mereka. Yakni, terima dan patuh keputusan pilihan raya yang mengikut sistem elektoral, bukannya sistem undi popular.

"Dalam pilihan raya Britain 2010, Parti Konservatif tidak dapat membentuk kerajaan setelah hanya memperoleh 305 atau 47 peratus daripada 650 kerusi di Parlimen, berbanding 326 kerusi yang diperlukan untuk membentuk kerajaan berdasarkan majoriti mudah. Walaupun memperoleh 36 peratus undi popular, parti itu terpaksa bergabung dengan Parti Liberal Demokrat untuk membolehkan kerajaan campuran dibentuk.

"Kalau berdasarkan undi popular, tak perlulah Parti Konservatif itu membentuk pakatan dengan Liberal, tetapi sebab dia patuh dengan undang-undang negara itu, maka dibentuk kerajaan yang bukan berdasarkan kepada undi popular, tetapi berdasarkan kepada bilangan kerusi," katanya.

Beliau turut merujuk isu undi popular dengan keputusan PRU-13 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, yang mana walaupun BN memperoleh 39 peratus undi popular, ia sepatutnya mewakili 20 wakil rakyat daripada 56 kerusi yang dipertandingkan. Namun BN hanya mendapat 12 kerusi berdasarkan sistem elektoral yang diamalkan. BN akur dan menerima keputusan pilihan raya itu.

Noh turut memberi contoh sistem kehakiman negara dan kes liwat yang memabitkan Anwar sebagai analogi untuk menjelaskan mengenai kebiasaan amalan undang-undang di negara ini.

"Dalam kes itu, dari tujuh hakim yang mendengar kes, lima kata Anwar bersalah, dua kata tak salah. Tetapi kerana amalan sistem undang-undang kita Anwar didapati

tidak bersalah...tetapi kalau kita guna sistem majoriti hakim, tentu dia tak akan lepas daripada penjara.

"Berbanding negara luar yang menggunakan sistem majoriti hakim, Malaysia mengamalkan sistem di mana mahkamah lebih tinggi boleh mengetepikan keputusan mahkamah yang lebih rendah," katanya.

Katanya, kedudukan ketua pembangkang dan susunan pemimpin pembangkang yang lain di dalam Dewan Rakyat, mencambahkan persepsi masyarakat di negara ini, bahawa orang Melayu yang lebih dominan dalam parti pembangkang. Sedangkan kenyataan yang sebenar adalah sebaliknya. Jika ditelusuri sejarah politik negara ini, sepatutnya jawatan ketua pembangkang dipegang oleh Ahli Parlimen Gelang Patah, Lim Kit Siang, yang berpindah jauh dari kawasan asalnya di Ipoh Timur.

Kit Siang bukannya nama baru dalam dunia politik yang boleh diketepikan begitu sahaja sebagai ketua pembangkang. Beliau pernah menjawat jawatan tersebut beberapa kali dari tahun 1970-an hingga 2008. Bukankah dengan memberi jawatan tersebut kepada Anwar tanpa banyak soal, menunjukkan seperti ada udang di belakang batu?

Sebagai ketua pembangkang, Kit Siang boleh memainkan peranan yang besar bagi memperjuangkan nasib pengundi-pengundi beliau. Namun dia seakan merelakan jawatan tersebut terus disandang pemimpin PKR - yang dimomokkan berjuang untuk semua bangsa di negara ini.

"Saya berpandangan DAP yang 'paling cerdas' dalam kalangan parti pembangkang yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat ini. Apabila pemimpin mereka sebulat suara bersetuju memilih Anwar sebagai ketua pembangkang maka rakyat akan melihat DAP tidak mempunyai pengaruh dalam pembangkang. Sedangkan sudah jelas siapa

yang mempunyai 'pengaruh' yang sebenar di belakang ketua pembangkang.

"Terus-terang saya katakan dalam konteks ini, Parti PKR dan Pas menumpang 'tui' DAP yang menanggung banyak kerusi. Jika kita teliti sebenarnya DAP yang popular dan patut berada di kedudukan nombor satu di blok pembangkang," katanya.

Mengulas mengenai kedudukan pemimpin pembangkang mengikut jawatan di Dewan Parlimen, beliau berasa hairan mengapa Kit Siang berada di kedudukan ketiga selepas Anwar dan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Apakah seolah-olah ingin menunjukkan kepada masyarakat bahawa DAP tidak mempunyai kuasa penentu dalam pakatan pembangkang?

Lebih menimbulkan persoalan, mengapa susunan kepimpinan pembangkang di dalam dewan dibuat tanpa mengira hierarki mereka di dalam parti - yang seolah-olah ada tangan tertentu yang mencatur kedudukan tersebut. Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar yang merupakan Naib Presiden Pas berada di kedudukan kerusi yang lebih baik dari Azmin sedangkan dia Timbalan Presiden PKR.

Perkara tersebut menurut Noh, walaupun nampak remeh namun menunjukkan di dalam barisan kepimpinan pembangkang wujud ketidaktentuan. Ini barangkali akibat ada tangan-tangan yang memainkan peranan membuat sesuatu keputusan.

Namun katanya lagi, bagaimana hebat sekalipun percuturan politik pembangkang, semua maklum siapa yang mendapat keuntungan dalam percuturan tersebut.

PKR sebagai parti yang dianggotai semua kaum yang memenangi 30 kerusi Parlimen dilihat seakan berkuasa secara total, dan Pas dengan 21 kerusi sudah pasti kurang berpengaruh dan ditolak orang Melayu yang lebih 'menggemari' UMNO yang menang 88 kerusi.

"Kita tahu siapa yang lebih berkuasa membuat dan mempengaruhi keputusan di dalam kepimpinan pembangkang di belakang jawatan ketua pembangkang yang dipangku pemimpin PKR. Masyarakat perlu menilai dengan bijaksana kedudukan ini.

"Apa guna ada jawatan tetapi tidak berlandaskan majoriti kerusi yang dimenangi semasa PRU-13. Dan sesungguhnya percuturan dalam kepimpinan pembangkang, rupa-rupanya DAP yang dilihat lebih cerdas," simpul Noh penuh makna.

≥ TAZKIRAH RAMADAN

Keringanan tidak berpuasa

Oleh MOHD ALI MUHAMAD DON

PUASA di bulan Ramadan adalah suatu kewajipan yang tidak boleh tidak mesti dilakukan. Hal ini jelas dinyatakan dalam firman Allah yang bermaksud; "Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa". (Surah al-Baqarah: 183).

Menurut al-Hafiz Ibnu Kathir, ayat ini merupakan ayat perintah tentang kewajipan puasa Ramadan. Yang mana ia dapat direalisasikan dengan sempurna menerusi kesanggupan untuk menahan lapar dan dahaga serta perkara yang dilarang ketika berpuasa dengan niat suci kerana Allah SWT.

Namun dengan rahmat Allah SWT ke atas hambanya, ada golongan yang diberi keringanan untuk tidak berpuasa Ramadan kerana uzur syarak yang membenarkannya. Mereka terdiri daripada orang musafir, orang sakit dan orang tua yang tidak kuat berpuasa dengan ketetapan ia hendaklah diganti pada bulan yang lain ataupun membayar fidyah yang difardukan. Rujuk firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah: 184.

Terdapat beberapa kategori penyakit serius yang diberi keringanan antaranya, penyakit yang menjadi bertambah kritikal apabila terus berpuasa, tempoh sembuh penyakit bertambah lama, puasa menyebabkan kesusahan dan kepauhan sekalipun ia tidak menyebabkan penyakit semakin serius serta golongan yang kkuatir akan mendapat penyakit apabila berpuasa. Untuk tujuan itu juga pengesahan daripada pakar perubatan yang bertauliah penting bagi mengelak pelbagai alasan yang sengaja dikemukakan oleh golongan yang suka memcarikan alasan untuk tidak berpuasa.

Golongan kedua yang dibenarkan ialah mereka yang bermusafir. Terdapat beberapa syarat yang juga perlu dipatuhi bagi melayakkan seseorang mendapat keringanan tersebut. Antaranya, perjalanan tersebut melebihi dua marhalah iaitu kira-kira 92 km yang membolehkan qasar sembahyang, tiada berniat untuk bermukim di tempat yang ingin dikunjungi dan perjalanan tersebut bukan kerana maksiat ataupun tanpa keizinan wali atau suami bagi yang sudah berkahwin.

Sementara itu, golongan ketiga pula ialah golongan yang uzur, nyanyuk lagi tidak mampu berpuasa, begitu juga kepada orang yang sudah tiada harapan sembuh daripada penyakit yang dihidapi hingga membawa mudarat dan kematian. Dengan ketetapan warisnya hendaklah membayar fidyah sebanyak secupak makanan asasi bagi setiap bilangan hari yang ditinggalkan.

Sehubungan itu, para Muslimin diseru untuk berijah bersungguh-sungguh bagi melaksanakan kewajipan ini. Usaha hant-hangat tahu ayam, di peringkat awal. Dirwayatkan oleh Imam al-Baihaqi dalam *Kitab Sunan al-Kubra*, "Siapa yang berbuka (tidak berpuasa) satu hari dari bulan Ramadan dengan sengaja, maka puasa setahun tidak mampu menampungnya (menggan-tikannya), sehingga dia akan bertemu dengan Allah SWT; kalau Dia berkehendak akan mengampuninya dan jika berkehendak akan mengazabnya."

PENULIS ialah Pensyarah Kanak Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Kampus Johor Bahru.

≥ BISIK-BISIK

BENAR kata Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) bahawa masalah kenaikan harga ayam berulang kali kita dengar sejak beberapa tahun lalu.

Sebagai usaha mengatasinya, PPIM menyarankan supaya pengguna memulaukan ayam buat sementara waktu supaya dapat mengekang tindakan pihak tertentu memanipulasi harga ternakan itu.

Namun, keberkesanan pelaksanaannya amat tertakluk kepada tindakan yang seragam daripada pengguna. Tanpa tindakan menyeluruh dalam kalangan pengguna, ia mungkin tidak mendatangkan kesan seperti yang dikehendaki.

Akibatnya aktiviti mengambil untung berlebih tetap berlaku setiap kali musim permintaan terhadap ayam meningkat seperti kedatangan Ramadan dan menjelang musim perayaan.

Permintaan terhadap ayam di negara kita pada hari biasa ialah 1.2 juta ekor tetapi ia meningkat kepada 2.2 hingga 2.4 juta ekor sehari pada bulan Ramadan sehingga sambutan Aidilfitri. Keadaan itu pasti dimanipulasi oleh pihak tertentu kerana harga ayam di ladang masih sekitar RM5 sekilogram. Akibatnya harga ayam sekarang mencecah RM8.50 sekilogram, melampaui harga siling RM7.80.

Langkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membenarkan import bahagian-bahagian ayam dari China berkuat kuasa serta-merta diharap dapat membantu menyekat aktiviti mengambil keuntungan berlebihan sekarang.

Awang yakin lambakan bekalan di pasaran dengan disertai kempen mengurangkan makan ayam buat sementara waktu ini yang dibantu dengan kesederhanaan pengguna sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan tabii peniaga yang tidak beretika ini.

AWANG - Ayam oh ayam!

Awwang Awwang

Jangan sekat minat jadi guru

Oleh NIZAM YATIM
nizam.yatim@utusan.com.my

SEORANG yang bergelar guru, kesabaran akan sentiasa teruji apabila berhadapan dengan murid, ibu bapa dan rakan sekerja yang pelbagai perangai. Sebab itu, minat untuk menjadi seorang guru itu amat diperlukan dalam bidang kerjaya ini.

Dalam masa sama, seorang guru juga mesti mempunyai perasaan kasih sayang kepada murid dan perlu jujur cinta dengan pekerjaan guru itu sendiri.

Itulah jawapan yang keluar daripada mulut seorang guru di sebuah sekolah menengah apabila ditanya pengumuman Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh bahawa syarat untuk memohon pengajian dalam jurusan perguruan telah diperketatkan.

Berkuat kuasa tahun ini, hanya pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya 7A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dibenarkan memohon pengajian dalam jurusan itu.

Langkah berkenaan dibuat sejajar dengan hasrat Kementerian yang mahukan 30 peratus lulusan SPM terbaik menyertai kerjaya itu.

Namun kelonggaran diberikan kepada pelajar Sabah dan Sarawak yang hanya disyaratkan memperoleh sekurang-kurangnya 5A dalam SPM memandangkan terdapat jurang pencapaian akademik antara negeri itu dengan negeri-negeri di Semenanjung. Isu mengenai pentingnya minat untuk menjadi seorang guru yang terbaik juga pernah menjadi tema filem Hollywood bertajuk *The School of Rock* pada 2003.

Dalam filem itu, anggota kumpulan rock, Dewey Finn (yang dibintangi pelawak Jack



MOHAMED SABRI EZARUDDIN

Black) telah menyamar sebagai guru gantian di sebuah sekolah menengah atas.

Walaupun tidak mempunyai kelayakan akademik untuk mengajar, dia akhirnya telah berjaya mengubah pelajar-pelajarnya menjadi penyanyi dan pemuzik yang berjaya.

Soal pentingnya minat juga turut disenut beberapa kesatuan guru yang telah menyatakan bantahan sebaik saja syarat baru itu diumumkan.

Ini termasuk Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) yang menyifatkan syarat tersebut sebagai tidak realistik.

Bagi Presiden KGMMB, Mohamed Sabri Mohd. Arsad, pelajar yang cemerlang di dalam bidang akademik bukan satu jaminan untuk melahirkan guru terbaik.

"Apa yang lebih penting mereka hendaklah mempunyai minat, kemahuan, aktif serta sifat kasih sayang yang begitu tebal terhadap anak-anak murid.

"Saya percaya pelajar-pelajar yang memperoleh 5A atau 6A dalam SPM juga mampu menjadi seorang guru yang baik lebih-lebih lagi sekiranya mereka benar-benar berminat untuk menjadi seorang guru," ujarnya.

Menurut beliau, selain kelayakan akademik, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum perlu diberi penekanan kepada mereka yang ingin menceburi profesion perguruan bagi meningkatkan taraf profesion itu yang semakin mencabar.

Dalam pada itu, beliau melahirkan kebimbangan usaha untuk menarik lebih ramai pelajar yang memperoleh 7A dalam SPM untuk menceburi bidang perguruan tidak berjaya kerana pelajar terbabit mempunyai peluang untuk memilih jurusan lain yang menawarkan gaji lebih lumayan.

"Kebiasaannya mereka akan memilih bidang-bidang lebih profesional seperti doktor atau jurutera apabila melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi.

"Ini realiti yang berlaku. Hakikatnya, profesion perguruan tidak dapat menjanjikan pulangan lumayan kepada mereka berbanding bidang-bidang profesional yang lain," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan Kementerian menawarkan gaji yang lebih tinggi dan kemudahan lain seperti perumahan kepada guru yang berkelulusan cemerlang.

"Kalau nak ambil guru yang berkelulusan baik, kebajikan mereka juga perlu dijaga, sekolah ini sampai kawasan pedalaman pun ada. Mungkin elau tambahan yang lain perlu diadakan," katanya.

Bersetuju dengan pendapat itu ialah Timbalan Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Ezaruddin Abdul Rahman yang menegaskan pihaknya menentang keras langkah terbaharu Kementerian itu.

Beliau berkata, kelulusan akademik bukanlah kriteria utama yang melayakkan seseorang itu menjadi guru yang berdedikasi.

Rencana

Bertindak tegas dengan undang-undang sedia ada

DALAM tempoh 36 hari bermula semalam, pasangan kontroversi Alvin Tan dan Vivian Lee menjalani kehidupan - tidur, makan dan minum di dalam penjara bersama banduan-banduan lain. Seorang di penjara Sungai Buloh dan seorang lagi di penjara Kajang sementara menunggu kes mereka disebut semula pada 23 Ogos depan.

Pasangan yang didakwa atas tiga pertuduhan mempersendakan umat Islam dan Ramadan serta mempamerkan gambar-gambar lucah dalam blog mereka tidak dibenarkan diikat jamin selepas menguak tidak bersalah di atas pertuduhan tersebut.

Mahkamah Sesyen tidak membenarkan ikat jamin itu atas sebab kepentingan awam. Pasangan muda yang berusia 25 dan 24 tahun ini berkecenderungan untuk memuat naik kandungan yang boleh menaikkan kemarahan orang ramai lagi. Apatah lagi, kes culik dan pukul seorang pemuda di sebuah restoran di Taman Sri Muda, Shah Alam, baru-baru ini, ada kaitannya dengan tindakan pasangan kontroversi ini.

Kes-kes penghinaan terhadap agama Islam dan Melayu serta perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan negara sebelum ini, sememangnya telah lama menaikkan rasa marah yang membuak-buak umat Islam di negara ini, tetapi mereka hanya menahan sabar selama ini.

Rasa marah itu cuba direndakan dengan bertindak tanpa mengetepikan undang-undang. Justeru, pelbagai pihak termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan Melayu mengasak pihak berkuasa supaya mengenakan tindakan tegas kepada individu atau kelompok yang terlibat. Pengacau dan individu yang biadab ini perlu diberi pengajaran secukupnya.



Komentar

Fauziah Arof
fauziaharof@yahoo.com

Banyak sudah desakan demi desakan dibuat di sana sini dan satu demi satu laporan polis dilakukan di seluruh pelosok tanah air ini. Bagaimanapun setelah jaminan diberikan bahawa perlakuan biadab yang melampau-lampau itu akan disiasat, kes berkenaan akhirnya senyap begitu sahaja.

Dan lebih menyakitkan hati, setelah pihak yang mengeluarkan kenyataan atau apa sahaja terbitan yang biadab itu melalui laman sosial termasuk YouTube, memohon maaf, itupun setelah banyak desakan dibuat, kebiadapan itu pun terus didiamkan begitu sahaja.

Begitulah selama ini, perlakuan dan kenayataan yang mengurisi hati umat Islam dan yang menghina Perlembagaan di negara ini kebiasaannya dilupakan dan ditangani hanya sekadar dengan memohon maaf. Ini menyebabkan orang yang sama, berani melakukannya berulang kali. Pada masa sama, ia bakaikan memberikan galakkan kepada yang lain pula untuk melakukan perkara yang serupa.

Ini kerana mereka merasa pasti akan terlepas daripada sebarang tindakan. Sekadar mendapat cemuhan dan kutukan daripada orang ramai apalah sangat bagi orang seperti ini. Memang itu pun mereka mahu.



GAMBAR yang dimuatkan di laman sosial Facebook Alvin dan Vivian yang mencetuskan kontroversi.

Mahu menjadi popular. Paling tidak pun hanya disuruh memberi keterangan.

Apatah lagi, orang seperti ini mendapat sokongan daripada golongan liberal dan yang menganggap apa saja yang membangkang kerajaan adalah sesuatu yang cukup 'cool'. Sepatutnya, mereka yang turut menurunkan komen-komen menyokong tin-

dakan biadab di laman-laman sosial ini turut dikenakan tindakan undang-undang. Dalam pada itu, ulama-ulama yang sepatutnya membela agama, turut diam membisu apabila timbul isu sebegini.

Jika di negara-negara lain tindakan dan perlakuan yang mencetuskan ketegangan kaum dan keharmonian dalam negara, su-

dah lama dikenakan tindakan undang-undang. Tetapi di negara ini masih ada tolak-ansur dan budi bicaranya lagi. Itupun ramai pihak menyatakan negara ini tidak cukup demokrasi.

Sudah tentunya, dalam menghadapi isu-isu yang membabitkan keharmonian dan keamanan dalam sesebuah negara, perlu ditangani dengan peruntukan undang-undang. Gunakanlah undang-undang yang sedia ada itu.

Mengutuk, memberi amaran keras berulang kali, memberi jaminan siasatan sedang dijalankan tetapi akhirnya senyap begitu sahaja tidak dapat membantu mewujudkan suasana harmoni dalam negara majmuk ini jika kes-kes seperti ini timbul. Selama mana pihak yang dihina dan agamanya dipersenda akan terus bertahan dengan kesabaran. Jika perkara yang sama berlaku kepada mana-mana agama di negara ini, tindakan undang-undang juga dituntut supaya perlakunya menerima hukuman yang setimpal.

Maka pendakwaan terhadap Alvin dan Vivian sudah pasti disambut dengan rasa lega oleh rakyat di negara ini. Ini kerana kerajaan dilihat benar-benar bertegas terhadap mana-mana pihak yang berani mempersenda dan memperlekeh hal-hal membabitkan setiap agama dan kaum dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Jangan diberi muka dan ruang kepada pengacau yang sememangnya berniat menghasut dan melaga-lagakan rakyat pelbagai kaum ini.

Semoga dengan tindakan tegas ini, akan memberi pengajaran dan keinsafan kepada yang terlibat serta iktibar kepada orang ramai terutamanya kepada golongan muda.

Pilih kepemimpinan menara gading

Oleh PROF. DR. SHAHNOR BASRI

MENELAHAH buku tulisan Dr. Judith McLaughlin dan Dr. David Riesman (1990) bertajuk *Choosing a College President: Opportunity and Constraints* menimbulkan persoalan kepada penulis mengenai pemilihan peneraju utama institusi pengajian tinggi awam (PTA) dalam negara kita. Ini termasuklah dari sudut integriti, kepimpinan, kriteria dan proses pemilihan.

Penulis buku ini, Dr. McLaughlin adalah ahli akademik kanan di Sekolah Pengajian Siswazah Pendidikan, Universiti Harvard manakala Dr. Riesman ialah Profesor Sains Sosial di universiti yang sama. Dr. Riesman juga pemegang Kursi Kearsjanaan Henry Ford II yang pertama di universiti yang sama.

Tulisan mereka membahaskan secara panjang lebar mengenai kepentingan proses pencarian dan pemilihan Naib Canselor atau Presiden sesebuah universiti dari sudut ketelusan, keterbukaan, kriteria calon yang cemerlang dan keperluan mendapat pandangan warga universiti mengenai kepimpinan yang mereka mahukan.

Walaupun Kementerian Pendidikan sejak beberapa tahun lalu membentuk pasukan pencarian setiap kali berlaku kekosongan Naib Canselor mahupun Timbalan Naib Canselor IPTA, namun prosesnya masih menjadi persoalan dari sudut ketelusan, calon pilihan serta kriteria pemilihan.

Tulisan Dr. McLaughlin dan Dr. Riesman telah membahaskan isu-isu yang turut menjadi perbualan malah kerap kali menimbulkan kontroversi dalam kalangan sarjana Amerika Syarikat (AS) mengenai kepimpinan universiti. Dalam Bab Pertama buku itu, bertajuk *Do Searches Matter?*, pengarang merumuskan bahawa proses pemilihan yang telus berasaskan kesarjanaan, integriti dan kepimpinan merupakan keperluan mandatori bagi sesebuah institusi pengajian tinggi.

Naib Canselor, Rektor atau Presiden merupakan tonggak utama yang akan menentukan hala tuju dan masa depan generasi keilmuan sesebuah negara. Pengarang telah mengambil contoh ketika Kenneth Keller mengambil alih kepimpinan Universiti Minnesota pada 1985, akibat kesilapan dalam

pemilihan Keller yang gagal mengetengahkan polisi akademik yang cemerlang.

Malah kemudian dideklarasikan telah menghabiskan lebih satu juta dolar Amerika untuk pembaharuan pejabat dan kediaman rasmi presiden universiti. Kesilapan dalam penentuan calon berakhir dengan "tragedi" yang pada ketika itu meruntuhkan imej Universiti Minnesota dan menyebabkan ahli lembaga universiti berkenaan menetapkan kriteria dan saringan yang lebih ketat terhadap pengganti Keller. Maka, proses pemilihan adalah satu yang mesti dilakukan secara serius dan begitu juga dengan hasil daripadanya.

Di AS keterbukaan pemilihan ini begitu ketara sekali. Hinggakan pada 1983 apabila ahli Lembaga Pencarian dan Pemilih Presiden Universiti Florida membawa calon-calon finalis presiden melawat kampus, ramai ahli akademik mempersoalkan pula mengapa mereka tidak diberi peluang untuk mengadakan perjumpaan khas dengan calon tersebut.

Mereka ingin berkongsi visi, harapan dan melihat ketokohan calon dalam menghadapi survival akademik di institusi berkenaan. Akhirnya sesi perbincangan terbuka turut diadakan dengan calon-calon ini dengan disertai oleh ahli akademik dan pimpinan mahasiswa yang turut memberikan sedikit pengaruh kepada keputusan Lembaga Pencarian dan Pemilih Presiden universiti berkenaan.

Jika kita meneliti pula pengalaman Universiti Rice sebuah universiti swasta tersohor di AS, di mana pada satu ketika

berlaku kesukaran untuk mencari pengganti Prof. Norman Hackerman yang telah 15 tahun sebagai presiden. Sepanjang perkhidmatannya Hackerman bukan sahaja sebagai presiden universiti berprestij tersebut tetapi beliau masih mengekalkan aktiviti kesarjanaan di dalam makmal penyelidikan dan masih terlibat penulisan dan penerbitan ilmiah. Sebagai presiden, beliau menjadi role model di universiti itu. Beliau tidak menghabiskan masanya untuk menandatangani puluhan memorandum per-sefahaman (MOU) sahaja tetapi sebagai pemikir yang terbuka, pemimpin yang disenangi, penyelidik yang agresif. Beliau membina hubungan strategik dengan pelbagai industri ternama AS di samping menjadi seorang sarjana contoh yang menjulang Universiti Rice sebagai universiti penyelidikan.

Apabila Prof. Richard Levin mengumumkan persaraan beliau sebagai Presiden Universiti Yale, Lembaga Pengarah universiti berkenaan mendapati sukar mencari tokoh setanding dengannya. Sepanjang 20 tahun perkhidmatannya, Prof. Levin dikenali sebagai peneraju yang amat berjaya.

Dalam kesukaran mencari pengganti Levin, ahli-ahli komuniti Yale telah menetapkan piawaian yang tinggi bagi pengganti Richard Levin; antaranya memiliki etika dan moral yang tinggi dalam tabdir urusan dan kepimpinan, presiden mestilah seorang sarjana yang dihormati dan mempunyai nilai integriti kesarjanaan, mampu mengekalkan Yale sebagai rakan strategik kepada komuniti New Haven serta dapat meluncurkan

Yale dengan pantas di persada antarabangsa. Oleh itu, pengganti Richard Levin hendaklah mentadbir secara efektif, menolak sama sekali amalan kronisme dalam pelantikan mana-mana ahli fakulti terutamanya dalam proses kenaikan pangkat. Komuniti Yale mahukan juga presiden baru mesti merupakan pimpinan kepada inovasi pendidikan, presiden mestilah pendukung kuat kepada nilai pendidikan tinggi dan penyelidikan, dan beberapa nilai kegemilangan lagi yang diharapkan oleh komuniti Yale.

Begitulah nilai dan kriteria utama yang menjadi pengarah bagi institusi pengajian tinggi dunia demi menjaga integriti institusi dan kepimpinannya serta kesinambungan universiti sebagai menara keilmuan dan kesarjanaan. Dari sisi lain pula, jika kita meneliti bagaimana pula calon presiden atau naib canselor universiti ternama apabila mereka dinamakan, kita akan mendapati bahawa mereka amat serius menerima amanah tersebut dan menyatakan dengan penuh tekat visi dan misi mereka.

Perhatikan kenyataan Rebecca Blank yang pada satu ketika merupakan Pemangku Setiausaha Negara bagi Hal-Ehwal Perdagangan AS yang dicalonkan sebagai Canselor Universiti Wisconsin menyatakan: "Universiti merupakan sebahagian penting kepada masa depan ekonomi negara dan mestilah menjadi rakan kongsi strategik dalam usaha untuk memstimulasi perkembangan ekonomi dan mewujudkan pekerjaan baru".

Maka, bagi negara kita terutama dalam usaha meningkatkan penarafan dan kedudukan IPTA dan IPTS maka persoalan kepimpinan harus tidak dipandang mudah. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapannya di Pekan pada 12 Mac 2011 pernah menyuarakan keresahan beliau dengan meminta supaya warga akademik mengurangkan 'politiking' dalam perebutan jawatan naib canselor (Utusan Online, 13 Mac 2011). Beliau sendiri menekankan proses pemilihan naib canselor hendaklah melalui proses pencarian dan pemilihan.

Cuma persoalan besar adalah sama ada Jawatankuasa Pencarian dan Pemilih ini merupakan satu realiti dan berfungsi sepenuhnya. Namun, masih ramai yang mem-

persoalkan fungsi dan kewujudannya.

Sudah sampai masanya, kita melakukan satu lonjakan besar dalam dunia pendidikan negara. Negara memerlukan juga transformasi dalam soal kepimpinan pendidikan tinggi demi melonjakkan penarafan dan kedudukan universiti dalam negara ini agar setanding dengan Oxford, Yale dan MIT. Maka, kepimpinan yang kita mahukan juga harus yang setanding dari sudut kriteria dan proses pemilihannya.

Kita mahukan kepimpinan IPT yang berdaya fikir inovatif, dalam kalangan akademika terpilih, mempunyai semangat keusahawanan, memiliki integriti kepimpinan yang tinggi dan mampu melonjakkan negara ini sebagai hub pendidikan utama dunia. Dasarnya sudah ada dan infrastrukturnya sudah tersedia, maka kita perlulah serius mengenainya. Maka, pembentukan Jawatankuasa Pencarian dan Pemilih yang terdiri dalam kalangan ahli akademik kanan, usahawan, warga dalaman universiti, wakil industri dan ahli akademik tersohor antarabangsa perlulah direalisasikan. Proses pencarian dan pemilihan juga hendaklah telus, kriteria yang dikemukakan hendaklah jelas dan terlaksana ketika proses pemilihan dan pengkilangan terbuka juga hendaklah dilakukan.

Jika ini dapat dilaksanakan dengan penuh keadilan dan integriti, maka ia akan menjadi salah satu pemangkin peningkatan institusi pengajian tinggi yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

PENULIS ialah Profesor Kanan dalam bidang Kejuruteraan Universiti Malaysia Pahang dan Felo Akademik Sains Malaysia.

≥ BISI-K BISI-K

AWANG cukup bersetuju dengan keputusan yang dicapai pada Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia bahawa shisha adalah haram.

Langkah itu tepat setelah jawatankuasa tersebut meneliti maklumat dan bukti-bukti perubatan saintifik mengenai kesan kemudaratannya akibat menghisap shisha kepada kesihatan ummah, pembangunan ekonomi.

Pengharamannya berlandaskan kaedah fiqhiah dalam memastikan lima perkara asas bagi manusia yang terkandung dalam maqasid syariah iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta dapat dipelihara.

Keputusan itu pula bukanlah dibuat secara tergesa-gesa kerana Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah sebelum membincangkan isu tersebut sejak tahun 2011 lagi.

Soal ketagih shisha tidak boleh dipandang ringan lagi memandangkan banyak restoran telah mula menyediakan kemudahan menghisap shisha. Ia adalah bukti betapa ketagihan shisha telah merebak dalam masyarakat tempatan.

Suasana itu amatlah malang ketika masyarakat sedang diajak untuk menghindari rokok, juga atas alasan yang sama. Apa maknanya pihak berkuasa bertungkus-lumus menayakan kempen tidak merokok, jika amalan menghisap shisha yang jauh lebih mudarat disuburkan.

Suatu perkara yang mungkin pengemang rokok dan penghisap shisha lupa ialah betapa orang di sekeliling mereka yang terhidup asap rokok atau shisha turut terjebak sama dalam masalah kesihatan.

Oleh itu, sama-samalah kita menghindari rokok dan shisha.

AWANG - Jom kempen!

Awang Selamat

≥ BELASUNGKAWA

Perginya selepas 68 tahun Hiroshima musnah

Oleh NURUL ANUAR KARI

DATUK Abdul Razak Abdul Hamid, juga dikenali sebagai cikgu Razak, Abdul Razak Hiroshima dan Razak sensei meninggal dunia pada 18 Julai lalu, tidak sampai dua minggu selepas menyambut ulang tahun ke-88.

Allahyarham ialah satu-satunya rakyat negara ini yang tersemat dalam serangan bom atom Amerika Syarikat ke atas bandar Hiroshima, Jepun kira-kira 68 tahun lalu.

Anaknya yang juga bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Dzulkifli, 60, memaklumkan ayahnya yang tinggal bersama keluarga di Taman Kamariah, Jalan Gombak dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) selepas mengadu sakit dada.

"Arwah dimasukkan ke Unit Kecemasan sebelum menghembuskan nafas terakhir di sisi ahli keluarganya kira-kira pukul 5.45 petang," katanya.

Selain Dzulkifli, Allahyarham turut meninggalkan dua orang anak lagi iaitu Zuraidah, 63, dan Dr. Dzulfazli, 54, serta sembilan orang cucu.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Taman Ibu Kota Gombak hari berikutnya.

Lahir pada 7 Julai 1925 di Pulau Pinang, Abdul Razak hanya berusia 16 tahun ke-

tika Jepun tiba di Tanah Melayu menyebabkan beliau dihantar ke kolej Jepun di Melaka sehingga 1943.

Di penghujung kursusnya, Allahyarham merupakan antara 15 pelajar disenarai pendek untuk melanjutkan pelajaran di Jepun dan akhirnya menjadi antara empat yang terpilih.

Selepas pengajian pra-universiti, Abdul Razak bersama Nik Yusof dari Kelantan dan Syed Omar Al Sagoff dari Johor memulakan pendidikan mereka di Universiti Hiroshima (dahulu Universiti Hiroshima Bunn) untuk mempelajari bahasa Jepun.

Walaupun dikritik sesetengah pihak kerana mengikuti pendidikan bahasa Jepun sedangkan Tanah Melayu dijajah tentera Jepun, beliau tetap nekad meneruskan kursus tersebut.

Selepas tujuh bulan di sana, Allahyarham yang baru melangkahi usia 20 tahun serta warga universiti itu dikejutkan dengan letupan kuat pada 6 Ogos 1945, berpusat 1.5 kilometer daripada kedudukan mereka.

Apabila sedar daripada pengsan, Abdul Razak yang mengalami luka kecil di kepala terpaksa merangkak keluar antara celah-celah runtuhannya serta mayat warga universiti yang bergelimpangan serta kede-

ngaran jeritan, tangisan dan rintihan mereka yang masih terperangkap bawah sepihan bangunan.

Dua rakan senegara Allahyarham tidak senasib dengannya, seorang maut dalam kebakaran yang menyusul sementara seorang lagi meninggal di hospital hampir sebulan kemudian akibat kesan radiasi.

Allahyarham Abdul Razak diperakui kerajaan Jepun sebagai salah seorang daripada 1,760 rakyat asing (hampir kesemuanya warga Korea) yang terselamat daripada letupan bom atom itu.

Walaupun pendidikannya di Hiroshima tersekat akibat tragedi itu, Allahyarham tidak berputus asa atas minat dan semangat untuk mempelajari bahasa Jepun.

Minatnya itu membawa kepada tugas sebagai koordinator program di Pusat Persediaan Pendidikan di Institut Teknologi Mara (kini universiti) sementara sumbangannya dalam mempromosikan bahasa Jepun serta meningkatkan persefahaman antara Tokyo dan Kuala Lumpur menarik perhatian Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengangkat Allahyarham mengetuai polisi Pandang Ke Timur pada 1982.

Beliau menerima anugerah Doktor Kehormatan daripada Universiti Hiroshima tahun lalu bersama bekas Perdana Menteri Brunei, Pengiran Yusof, 91, dan bekas Ahli Parlimen Indonesia, Hasan Rahaya, 91, sebagai satu-satunya mangsa dari negara masing-masing yang terselamat dalam



ABDUL RAZAK


Sanggup si ibu biarkan anak menderita...

BUKALAH mata dan fikiran itu luas-luas. Jadilah orang yang cerdik walaupun di sekolah dulu mungkin anda tidak begitu cerdik dan tidak berjaya dalam pelajaran. Tidak cerdik atau pandai dalam pelajaran tidak semestinya turut menjadikan anda berotak beku dalam mengatur kehidupan.

Membang, menjadi ibu tunggal bukan pilihan kerana sudah tiada pilihan maka penyelesaiannya, jalan itulah yang harus diambil dan dilalui. Tetapi anda punya pilihan dalam memilih teman lelaki untuk dijadikan pasangan hidup. Dan membina semula kebahagiaan melalui peluang kedua, seharusnya mendahulukan kepentingan, kebahagiaan dan keselamatan anak-anak yang dibawa bersama.

Sejak kebelakangan ini, trend teman lelaki mendera anak teman wanitanya, seorang ibu tunggal, makin menjadi-jadi. Penderaan itu membawa luka yang parah dan amat sakit untuk ditanggung oleh anak kecil yang tidak mengerti apa-apa itu dan kes yang lebih tragik membawa kepada kematian.

Terbaharu, seorang lelaki ditahan polis kerana dipercayai mendera anak teman wanitanya yang berusia dua tahun sehingga menyebabkan kematian dan dikebumikan



FAUZIAH AROF

fauziaharof@yahoo.com

di kaki Gunung Brinchang, Cameron Highlands. Kanak-kanak berkenaan dikatakan mati setelah mengalami lelah dan muntah akibat dipukul dengan kayu.

Semalam juga, seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun ditemui dalam keadaan sangat lemah kerana dibiarkan berlapar di dalam rumahnya di Taman Perumahan Gong Badak di Kuala Terengganu. Dia dipercayai menjadi mangsa dera bapa tirinya, yang baru 10 bulan berkahwin dengan ibunya. Dia bukan saja tidak diberi makan tetapi dipukul dan dicucuh puntung rokok. Banyak kesan lebam, bengkak, bernanah, melecur di bahagian perutnya.

Sebelum itu, seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun juga berjaya di-

selamatkan atas aduan orang awam setelah dipercayai menjadi mangsa dera rakan lelaki ibunya di Bukit Chendering, Terengganu.

Kanak-kanak itu ditemui dalam keadaan sebelah kakinya berwarna kehitam-hitaman dan berbau busuk dipercayai akibat terkena objek panas setelah seminggu dibiarkan begitu.

Itu kes yang dilaporkan, dikesan dan didedahkan oleh pihak media. Bagaimana pula dengan kes yang terus dipendam dan diabaikan oleh ibu yang terperangkap dalam masalah 'cinta itu buta' ini?

Maka si ibu ini dengan rela terus membiarkan dan sekadar melihat teman lakinya berterusan membelas anaknya sendiri, semata-mata cinta dan sayangkan teman lakinya.

Sudah banyak kes dera seperti ini dibawa ke mahkamah dan kebanyakan yang mengadukan tentang kekejaman ini adalah keluarga terdekat mangsa seperti nenek dan ibu saudara. Tidak banyak aduan dilakukan oleh ibu kanak-kanak itu sendiri. Kalau ada pun, mangsa sudah lembik dan teruk dibelasah baru hendak mengadukan.

Tindakan si ibu ini seolah-olah merestui perlakuan kejam yang dilakukan oleh teman lakinya. Lebih membuat kita geram dan

marah, keganasan itu membabitkan penderaan seksual dan si ibu terus mendiamkan perbuatan tersebut atau tidak dapat mengesan apa-apa yang tidak kena dengan perubahan sikap anaknya.

Apalah yang hendak diharapkan dengan lelaki yang jadi tukang buli dan tukang pukul kanak-kanak ini? Lelaki seperti ini memang tidak boleh diharap langsung untuk melindungi anda apatah lagi untuk melindungi anak kecil.

Akibat gagalannya lelaki ini mengawal kemarahan atau bersikap panas baran, tidak mustahil seisi keluarga akan teruk dibelasah. Apalah maknanya peluang kedua yang ada untuk membina semula kebahagiaan daripada kegagalan perkahwinan yang pertama itu sekiranya kehidupan menjadi lebih teruk dan seksa daripada sebelumnya.

Seharusnya, apabila lelaki seperti ini dilihat memukul anak kecil anda buat kali pertamanya, ia sudah jadi satu petunjuk bahawa perbuatan berkenaan akan berulang. Lelaki seperti inilah sepatutnya awal-awal lagi dibuang jauh-jauh daripada hidup anda dan anak-anak. Jangan beri ruang langsung kepadanya untuk terus menyakitkan anda.

Maka untuk mengelakkan kes seperti ini berlaku, menjadi satu tragedi dalam masyarakat dan menimbulkan kemarahan orang ramai, adalah yang seharusnya membendungnya daripada terus berlaku. Bukan kerajaan, bukan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat atau pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan.

Apa guna kempen-kempen mengenai penderaan dan kesedaran serta talian dera yang diadakan oleh pihak-pihak ini sekiranya anda sendiri dengan rela membiarkan perkara buruk itu berlaku dalam hidup.

Andalah yang perlu lebih berhati-hati dan menjadi pelindung utama kepada anak-anak anda. Jangan kerana berpegang kepada konsep reda yang salah dan cinta itu buta, anda hanya menutup mata apabila anak kecil anda disepak terajang seperti bola.

Bila Tuhan mengambil nyawa anak kecil itu bagi mengakhiri penderitaannya, wajah anda dirakamkan sugul dan menangis dalam media cetak dan elektronik. Layakkah anda dipanggil ibu?

RENUNGAN

Rasulullah SAW bersabda : "Barang siapa yang suka melambat-lambatkan pekerjaannya maka tidak akan dipercepat hartanya." - Hadis Riwayat Muslim.

Kesan jerebu ke atas ekonomi

Oleh DR. MOHD. NAHAR MOHD. ARSHAD

KEADAAN jerebu semasa telah memaksa kerajaan mengisytiharkan darurat bagi kawasan Muar dan Ledang. Beberapa buah negeri juga menutup sekolah-sekolah bagi mengelakkan masalah kesihatan yang serius, terutama buat kanak-kanak.

Masalah jerebu sejak sedekad kebelakangan ini sudah menjadi masalah tahunan. Pembakaran di Indonesia bagi membersihkan ladang menjadi punca utama kedatangan jerebu secara bermusim ini.


Meskipun di peringkat kerajaan Malaysia, Singapura dan Indonesia sudah wujud usaha serantau bagi mengatasi masalah jerebu, namun setakat ini tidak ada hasil yang ketara. Langkah-langkah yang diambil adalah reaktif dan tidak membawa kepada penyelesaian menyeluruh.

Sikap pihak tidak bertanggungjawab yang hanya mementingkan keuntungan sendiri dengan membakar ladang untuk membersihkannya menunjukkan betapa kepentingan sosial tidak diambil peduli oleh mereka. Ya, kosnya murah buat syarikat ladang, namun kos kepada umum adalah mahal.

Kesan jerebu boleh dilihat dalam jangka masa panjang dan pendek. Gangguan kepada aktiviti ekonomi dan sosial harian boleh membawa kesan kepada segala perancangan yang telah sedia dibuat.

Jika keadaan berjerebu ini berakhir kurang dari seminggu dan tidak melangkah jauh ke banyak kawasan, impak ekonominya mungkin minimum, tidak mencecah bilion ringgit.

Sekiranya keadaan jerebu kali ini bertambah serius, berpanjangan serta melangkah ke kebanyakan kawasan, kesan ke atas ekonomi boleh menjejaskan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun semasa. Kerugian boleh mencecah hingga ber-



JEREBU bukan sahaja menjejaskan kesihatan tetapi juga banyak sektor ekonomi negara ini. - GAMBAR HIASAN

Antara industri yang akan terjejas teruk oleh jerebu adalah sektor pelancongan. Hotel, restoran dan taman-taman tema di kawasan berjerebu akan menerima tempias negatif jerebu berikutan kurangnya aktiviti luaran oleh orang ramai.

bilion ringgit ekoran daripada banyak kegiatan sosial dan ekonomi yang tergendala.

Banyak lagi kesan negatif jerebu yang mungkin kita terlepas pandang dalam menilai kesannya. Misalnya, kita tidak pasti apakah kesan ke atas kesihatan akibat terdedah dengan sinaran matahari yang terbias dek jerebu. Kos juga sukar dikira bagi impak pertanian yang musnah dek kurangnya pancaran matahari akibat bumi diselubungi jerebu. Sehingga saintis mengenal pasti perkara-perkara ini, barulah kita dapat membuat anggaran kos jerebu kepada ekonomi dan kesejahteraan hidup manusia.

Antara industri yang akan terjejas teruk

oleh jerebu adalah sektor pelancongan. Hotel, restoran dan taman-taman tema di kawasan berjerebu akan menerima tempias negatif jerebu berikutan kurangnya aktiviti luaran oleh orang ramai.

Lebih dikhuatiri jika masalah jerebu ini konsisten trendnya dan agensi-agensi pelancongan asing tidak mengesyorkan pelancongan mereka untuk datang ke rantau ini dalam bulan-bulan jerebu.

Di sinilah impak jangka panjang jerebu akan mula kita rasai. Pelancong asing tidak lagi mahu datang ke sini dan pelancong tempatan memilih destinasi luar negara sebagai pilihan.

Keadaan jerebu yang serius juga boleh membawa kesan negatif kepada sektor perindustrian. Dengan keadaan berjerebu, pihak berkuasa akan memerintahkan kilang-kilang, kuari dan semua aktiviti yang melibatkan pelepasan pencemaran ke udara dikurangkan atau terus diberhentikan.

Di kawasan darurat jerebu misalnya, semua aktiviti ini mesti diberhentikan. Semua ini merenjatkan aktiviti ekonomi di mana banyak kilang dan syarikat akan terpaksa menanggung kos tinggi tanpa pulangan yang diharapkan.

Jerebu juga membawa kepada masalah kesihatan yang serius dan kosnya sukar

dikira. Bil-bil untuk mendapatkan rawatan dek masalah jerebu pastinya meningkat pada masa ini.

Sekurang-kurangnya pun kita terpaksa membeli topeng muka. Semua ini merupakan kos dek jerebu. Meskipun industri kesihatan akan menyaksikan lonjakan hasil, pulangan ini kecil dan hanya untuk firma atau individu minoriti berbanding kesan dan kos negatif besar yang terpaksa ditanggung masyarakat.

Para pekerja pasti ramai yang terpaksa mengambil cuti sakit atau pihak majikan sendiri mengambil langkah menutup syarikat dalam keadaan jerebu pada paras bahaya.

Di sini, kos lepas atau kos akibat dari kegiatan ekonomi yang tidak dijalankan akan menambahkan lagi kesan negatif jerebu kepada ekonomi.

Jerebu merupakan masalah oleh tangan-tangan manusia. Masalah ini menjadi ketara sekarang kerana wujudnya estet-estet perladangan berskala besar. Natijahnya, pembakaran ladang untuk tujuan pembersihan juga mencapai ke skala industri yang mencemarkan.

Jika pihak syarikat tidak ambil peduli dengan kesan kegiatan mereka, pihak berkuasa mesti mengambil langkah serius untuk menangani masalah ini ke akar umbi.

Pemberian lesen, permit serta cukai pencemaran boleh dilaksanakan sebagai langkah kawalan. Semua ketidakpatuhan kepada undang-undang wajar dikenakan tindakan keras agar masalah tidak berulang.

Udara bersih merupakan hak semua yang wajar dipelihara. Rakyat marah dengan pencemaran ini dan rakyat menuntut kebijakan mereka dipelihara!

PENULIS ialah Pengerah Kanan Pusat Ekonomi Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

UiTM lambang maruah pendidikan, survival Melayu

Oleh PROF. MADYA DR. ISMAIL SUALMAN

RENTETAN tindakan individu SUARAM yang mempertikaikan dasar Universiti Teknologi Mara yang kononnya telah melanggar Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman dianggap melampau.

Umat Melayu yang sedar perlunya kewujudan UiTM sebagai maruah dan survival Melayu rasa tertampar dengan kenyataan yang dianggap cuba menebuk benteng kedaulatan institusi Melayu yang tersohor ini.

Perlu dinyatakan bahawa kovensyen ini diperkenalkan dan dikuatkuasakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu pada 4 Januari 1969. Bermakna konvensyen ini dilaksanakan setelah lebih kurang 13 tahun UiTM ditubuhkan.

Sebenarnya kovensyen ini mengandungi tiga bahagian utama dan 25 artikel. Malah apabila menyorot kovensyen ini tiada salahnya UiTM khusus untuk Melayu dan Bumiputera. Bahagian 1, artikel 1-4 kovensyen ini, di antara lain menyatakan bahawa "Mengambil langkah khas untuk satu matlamat menjamin kemajuan mencukupi kumpulan-kumpulan tertentu yang bersifat perkauman atau etnik atau individu memerlukan perlindungan sedemikian yang dianggap perlu, supaya memastikan kumpulan-kumpulan atau individu-individu tertentu kegemilangan yang sama atau hak-hak latihan sumber manusia dan kebebasan asasi tidak akan dianggap diskriminasi kaum".

Seterusnya artikel ini menyatakan bahawa "bagaimanapun, bahawa tindakan sedemikian tidak sebagai satu akibat atau menjurus pengurusan hak berasingan untuk kumpulan kaum berbeza dan tindakan ini tidak akan diteruskan setelah objektif yang mereka tetapkan telah tercapai".

Lalu apabila penulis mengamati setiap butiran artikel kovensyen ini, terlintas pula bahawa di banyak negara di dunia yang menubuhkan universiti khususnya untuk satu-satu bangsa atau kaum, seperti khusus untuk kaum berkulit hitam, universiti khas untuk wanita dan sebagainya. Kenapa uni-

versiti begini tidak dianggap 'perkauman'? Lantas terfikir pula oleh penulis kenapa perlu adanya sekolah aliran Cina dan India di Malaysia? Atau dianggap rasis mereka yang bersekolah Arab atau aliran Agama yang rata-ratanya berbangsa Melayu dan Islam? Persoalannya sekarang adalah UiTM sebagai hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera sebenarnya tidak menghalang hak kaum lain atau menindas mereka. Ia bukan dalam erti kata tuan dan hamba tetapi lebih kepada penghormatan sebagai anak watan. Sehingga kini, terdapat 20 buah Institut Pengajian Tinggi Awam yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini.

Penubuhan UiTM juga selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang berhasrat untuk membangi dari segi ekuiti, profesional dan juga sumber manusia dalam bidang industri dan swasta antara kaum-kaum utama di Malaysia. Perlu diingat bahawa toleransi dalam institusi pendidikan yang dicapai antara kaum di antara pimpinan kaum di Malaysia. Kontrak sosial yang dicapai antara kaum menyebabkan kaum Cina dan India memahami bahawa UiTM perlu diwujudkan untuk orang Melayu dan Bumiputera. Namun kontrak sosial ini sering dilupai sehingga menuntut Raja-Raja Melayu beberapa kali mengingatkan kita sejak kebelakangan ini.

Dalam Perlembagaan Persekutuan, hak istimewa orang Melayu Bumiputera Sabah dan Sarawak, kedudukan istimewa Islam dan Raja-Raja Melayu terletak di tempat tinggi, sehinggalah peruntukan perlembagaan berhubung perkara ini tidak boleh dipinda walaupun mendapat sokongan dua pertiga Parlimen.

Ini disebabkan perkenan Majlis Raja-Raja diperlukan sebelum usul pindaan dibentangkan di Parlimen. Hal yang demikian menjadi benteng kepada negara daripada cubaan mengganggu gugat kedudukan istimewa Islam dan Raja-Raja Melayu.

Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan

pula memperuntukkan beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan tidak boleh diluluskan pindaannya tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

Perkara yang ingin dipinda ini termasuklah kedudukan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan, kedudukan ketua agama undang-undang Islam dan juga mahkamah syariah. Ia juga mencakupi hal ehwal berkaitan pewartaan kuota itu dengan perkhidmatan, permit dan sebagainya bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak.

Perkara 153 juga mengisytiharkan adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain.

Begitu juga Yang di-Pertuan Agong boleh memastikan rizab bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan Sarawak jawatan dalam perkhidmatan awam dan basiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan atau kemudahan khas lain.

Malah dalam mana-mana universiti seperti UiTM, kolej dan institusi pendidikan lain yang memberikan pendidikan selepas Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengannya, bilangan tempat ditawarkan pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi penguasaan universiti, kolej atau institusi pendidikan itu kepada calon bagi apa-apa kursus pengajian adalah kurang daripada bilangan calon layak mendapat tempat itu.

Ia adalah sah bagi Yang di-Pertuan Agong memberikan arahan yang perlu kepada kerajaan bagi memastikan perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan Sarawak seperti difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong; dan kerajaan hendaklah mematuhi arahan itu dengan sewajarnya.

Apa motif sebenar kenyataan individu SUARAM berkenaan? Kenapa kenyataan segini dilemparkan sedangkan UiTM telah wujud sejak tahun 1956 lagi. UiTM telah melalui perkembangan yang amat pesat sejak mewarnai sektor pengajian tinggi dan terus mengembangkan sayapnya ke seluruh negara dengan mempunyai sebanyak 15 buah kampus cawangan, sembilan kampus kota, tiga kampus satelit dan 21 buah kolej bersekutu, serta sebuah kampus pintar yang

bakal didirikan.

Dengan tenaga kerja seramai kira-kira 17,000 orang dalam satu rangkaian yang besar, universiti ini menawarkan lebih daripada 300 buah program akademik dalam suasana yang kondusif dan ceria. Ia juga merupakan rumah kedua bagi hampir 172,000 orang pelajar.

Memang tidak dinafikan bahawa UiTM sangat komited dalam membantu anak-anak Bumiputera mendapatkan pendidikan sehingga ke peringkat akademik yang tertinggi, juga dalam persiapan untuk melangkah ke alam pekerjaan. Wawasannya ialah untuk memupuk keserjanaan dan membina kecemerlangan akademik, agar mampu memimpin dalam apa juga arena.

Walaupun masih muda berbanding universiti tempatan lain, UiTM memiliki reputasi sebagai salah sebuah universiti tempatan yang inovatif. Ia menjalinkan hubungan dengan pelbagai sektor industri yang menyuburkan lagi budaya penyelidikan dan inovasi serta keusahawanan dalam kalangan warganya.

Kini UiTM meneruskan usaha murni pemimpin dan pengasasnya terdahulu, meneroka dan menguasai pelbagai cabang ilmu untuk meraih gelaran universiti bertaraf dunia. Sudah sampai masanya UiTM mengebalikkan pertahanannya sebagai institusi pendidikannya dengan bernaung di bawah lindungan Institusi Di Raja yang menjadi simbol kedaulatan Melayu dan Bumiputera.

Hakikatnya kewujudan UiTM amat rapat dengan tujuh wasiat raja-raja Melayu yang menjanjikan kesejahteraan, kedamaian dan keamanan jika mereka bersatu dan berpegang teguh kepadanya. Wasiat yang disampaikan semasa raja-raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu perlu dihayati.

Kita harap tiada lagi suara dan kenyataan sumbang yang hanya meningkatkan sentimen perkauman dan perpecahan sesama bangsa di Malaysia. Semangat toleransi dan kerjasama yang dinikmati selama ini merupakan resipi ke arah perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia.

PROF. MADYA DR. ISMAIL SUALMAN
Pengerah Institut Pengajian Kewartawanan Universiti Teknologi Mara (UiTM)

BISIK-BISIK

KEKECOHAN peminat bola sepak di pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu semalam dapat dielakkan jika soal jualan tiket bola sepak diurus dengan baik dengan mengambil kira pelbagai perkara termasuk sentimen peminat sukan nombor satu negara itu.

Sesiapa pun akan berasa marah jika kaunter jualan tiket ditutup selepas lima minit dibuka pukul 9.30 pagi untuk jualan memandangkan para peminat tegar bola sepak Kelantan telah mula beratur untuk membeli tiket bagi perlawanan akhir Piala FA itu sejak 6.30 pagi lagi.

Secara logik berapa keping tiket sangat boleh dijual dalam tempoh lima minit sekalipun jika 100 kaunter tiket dibuka?

Bagi Awang, ia sesuatu yang amat memalukan kerana ia tidak ubah seperti melepaskan batuk di tangga sedangkan para peminat begitu berharap memperoleh tiket tersebut.

Justeru tidaklah menghairankan jika ada peminat Red Warriors itu berang kerana terasa diperdaya!

Pihak yang diberi tanggungjawab menjualnya wajar membuat agihan yang sesuai antara jualan pukal dan jualan runcit untuk para peminat.

Awang berharap sebahagian besar tiket-tiket yang diperuntukkan kepada peminat di Kelantan itu tidak pula terlepas kepada rangkaian ulat tiket yang mahu membuat untung mudah.

Kejadian di Kota Bharu itu wajar dijadikan iktibar bagi semua tempat jualan tiket acara sukan di negara kita. Ia perlu mencerminkan ketelusan. Dan soal yang mudah dan tidak sepatutnya menjadi masalah wajar dielakkan.

Jangan sampai ia menggangu minat orang ramai terhadap sukan tanah air.

AWANG - Teropong.

Awang Selamat